

# Pemuda tak tuntutan kerusi tambahan

BH -  
19/6/2007

**K**UALA LUMPUR: Ketua Pergerakan Pemuda Umno, Datuk Seri Hishammuddin Hussein, berkata pergerakan itu tidak bercadang mendapatkan tambahan kerusi pada pilihan raya umum akan datang.

Beliau berkata, jumlah kerusi yang diperuntukkan kepada pergerakan itu pada pilihan raya umum lalu sudah cukup besar, iaitu 56 dan daripada jumlah itu hanya enam calonnya tewas.

"Amat tidak adil jika kita minta jumlah lebih besar daripada yang sudah diberikan kepada Pemuda pada pilihan raya lalu.

"Perkara itu tidak dibincangkan dan saya tidak bercadang membincangkannya," katanya kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat bulanan pergerakan itu, di Menara Datuk Onn, Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC), di sini, semalam.

Hishammuddin berkata, mesyuarat semalam membincangkan pengi-

sian bagi beberapa program sempena sambutan ulang tahun ke-50 kemerdekaan negara 31 Ogos ini.

"Pemuda akan bersama-sama dalam semua program yang diaturkan oleh pucuk pimpinan parti bagi menjayakan sambutan itu," katanya.

Hishammuddin kemudian menyerahkan bendera Umno, Sang Saka Bangsa kepada pelajar Universiti Teknologi Mara (UiTM), Muhamad Muqharabbin Mokhtarruddin, 24, yang akan melakukan ekspedisi mengelilingi dunia, mulai 1 Julai ini.

Pelajar jurusan Pengurusan Perniagaan itu akan melakukan ekspedisi itu dengan berbasikal, berenang merentasi Selat Inggeris, mendaki tujuh puncak tertinggi di dunia dan menjelajah ke Kutub Utara dan Kutub Selatan.

Muhamad Muqharabbin sebelum ini menjadi pelajar Melayu pertama berjaya mendaki puncak Everest dalam 'Ekspedisi Demi UiTM Everest 2004'.



**LAMBANG KEKUATAN:** Hishammuddin menyerahkan Sang Saka Bangsa kepada Muqharabbin yang akan melakukan ekspedisi mengelilingi dunia mulai 1 Julai ini, sambil diperhatikan Naib Ketua Pemuda Umno, Khairy Jamaluddin (kiri), di Kuala Lumpur, semalam.